

DESIGN DECODED 2021 : ART EXHIBITION



*Decrypt your
visual creativity*

DESIGN DECODED 2021 : ART EXHIBITION



Strategic
Partners:



Lembaga Muzium
Negeri Kedah



Suan Sunandha Rajabhat
University, Thailand



Far Eastern University
Philippines



Hanseo University
Korea



كليات التقنية العليا
HIGHER COLLEGES OF TECHNOLOGY

United Arab Emirates

DESIGN DECODED 2021 : ART EXHIBITION



Copyright ©2021
by the Faculty of Art and Design,
Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kedah Branch

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, copied, stored in any retrieval system or transmitted in any form or by any means, electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise, without the prior permission from the Rector, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kedah Branch, 08400 Merbok, Kedah, Malaysia.

The views, opinions and technical recommendations expressed by the contributors are entirely their own and do not necessarily reflect the views of the editors, the Faculty or the University.

Cover Design : Neesa Ameera Mohamed Salim
Layout Design : Neesa Ameera Mohamed Salim
 : Syahrini Shawalludin
 : Abdullah Kula Ismail

Chief Editors : Neesa Ameera Mohamed Salim
 Faryna Mohd Khalis

ISBN 978-967-2948-13-1

Editors : Ts. Normarziana Hassan
 Juaini Jamalludin
 Syahrini Shawalludin
 Siti Fairuz ibrahim
 Abdullah Kula Ismail

Printed by

Sinaran Bros. Sdn Bhd (No. 3968-X)
Percetakan-Offset-Digital-Penjualan
5-3-18, The Promenade,
Permaisuri Mahsuri,
11950, Bayan Baru,
Pulau Pinang, Malaysia
sinaranbros.digital@gmail.com

Nurul Aina Amira Mohd Aminuddin Mohd Zamri Azizan

Corocovid



Arca merupakan salah satu bentuk pengucapan seni dan kebiasaannya dalam berfizikal tiga dimensi (3D). Definisinya lebih sinonim kepada aktiviti mengukur, menebuk, melarik atau memotong. Subjektiviti sesuatu arca memungkinkannya perlu diapresiasi dari pelbagai sudut persepsi mengikut kadar pengamatan setiap pemerhati. Tiada sempadan dalam menzahirkan arca selagi pengkarya tersebut mempunyai paksi diri dan berani dalam menterjemahkan pernyataan seninya mengikut luahan rasa dan niat yang ingin dikongsi agar rasa yang dipersembahkan itu sampai ke jiwa pemerhati.

Umum sedia maklum virus 'Covid-19' adalah merupakan suatu virus yang sangat merbahaya. Covid-19 merebak secara globalisasi dan tiada ketentuan bila ianya akan menyusut dan terus lenyap dari muka bumi ini. Wabak yang berpaksi dari Wuhan, China ini boleh membawa maut jika sistem imunisasi tidak dapat bertahan lama. Covid-19 juga merupakan penyakit alaf baru yang mudah berjangkit tanpa mengenal lapisan usia mahu pun sesuatu bangsa. Pelbagai usaha untuk memerangi penyakit ini terutama melalui kempen-kempen, poster-poster, info grafik dan pelbagai platform lain dalam usaha membendung virus ini dari terus berleluasa dan menjajah segenap penjuru dunia. Kempen dan usaha murni untuk mengekang penularan virus ini turut menggamit pengkarya-pengkarya seni dunia untuk turut sama memberi sumbangan melalui pernyataan objek seni yang tersendiri agar dapat memberi persepsi yang berbeza terutama nilai kesedaran dan aspek keselamatan diri terhadap virus yang kian meledak ini. Justeru pengkarya tidak terlepas dari memberi sumbangan terhadap kempen ini melalui penghasilan karya seni bereksperimentasi media baru sebagai wadah seni.

Dalam penghasilan arca yang berbentuk struktur virus Covid-19 ini pengkarya telah menggunakan media 'paper clay' untuk membentuk sfera iaitu sebagai asas bentuk arca ini. Virus Covid-19 ini mempunyai variasi bentuk yang

pelbagai tetapi virus yang berbentuk sfera ini adalah struktur fizikal yang telah digunakan secara global untuk mentakrif fizikal virus Covid-19 yang tepat. Warna adalah unsur seni yang penting. Warna juga memberi takrifan dan kefahaman yang berbeza melalui persepsi masing-masing dalam sesuatu karya. Unsur warna adalah aspek untuk utama dalam penghasilan arca ini. Warna prima iaitu merah dilihat mendominasi keseluruhan karya ini. Penggunaan warna merah pada arca ini jika ditakrifkan maksudnya secara global adalah sesuatu yang merbahaya dan harus sentiasa berwaspada. Justeru pemilihan warna merah sebagai elemen yang dominan dalam karya ini dilihat telah mencapai takrifan tertentu agar dapat memberi kesedaran kepada masyarakat akan bahayanya virus ini dalam apa jua keadaan sekalipun. Untuk memberi nilai yang lebih dramatik pengkarya menggunakan binder clip sebagai metafora terhadap stem cell virus covid-19. Fizikal asal binder clip yang berwarna hitam disamping bentuknya yang unik ini juga adalah satu pemilihan yang tepat dalam ungkapan media baru dalam arca ini yang selama ini jarang-jarang diketengahkan. Variasi saiz binder clip yang pelbagai ini disusun secara rawak tetapi terkawal agar keseluruhan bentuk arca ini dapat memberi sedikit kesan estetik dan persepsi yang berbeza kepada penonton.

Arca yang dihasilkan ini juga adalah cetusan idea yang asli pengkarya terhadap virus covid-19 dalam pernyataan seni yang baru. Sememangnya umum sudah sedia maklum dan berinformatif sepenuhnya terhadap status virus yang amat ditakuti ini hingga mengalami depresi setiap saat untuk meneruskan aktiviti harian yang serba celaru namun harus memberi sedikit justifikasi terhadap virus ini pada sisi estetikanya. Penghasilan karya ini sememangnya mengajak masyarakat mengapresiasi nilai estetikanya dan tidak menyokong virus ini sama sekali dari segi fungsinya.



NURUL AINA AMIRA MOHD AMINUDDIN
Corocovid


Mixed Media
8 in x 8 in x 8 in
naamira070@gmail.com

DESIGN DECODED 2021 : ART EXHIBITION



*Decrypt your
visual creativity*

ISBN 978-967-2948-13-1



9 789672 948131



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Kedah
Kampus Sungai Petani

Galeri
seni merbok

